

# Toleransi, kerjasama antara kaum perlu dipertahan

BH 22 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Ahad— Sikap toleransi dan kerjasama antara kaum perlu dipertahankan bagi membolehkan rakyat terus hidup dalam suasana harmoni, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sikap toleransi itu juga membolehkan rakyat berbilang kaum menyambut perayaan agama masing-masing dalam suasana aman di negara ini.

“Tidak banyak negara yang mempunyai rakyat berbilang seperti Malaysia boleh menyambut perayaan agama dalam suasana tenang tanpa gangguan daripada pihak lain.

“Islam adalah agama rasmi negara tetapi Perlembagaan membenarkan rakyat berbilang kaum menganut agama masing-masing. Inilah yang membawa kehar-

monian kepada negara kita,” katanya di Rumah Terbuka Hari Wesak 2000 di Pusat Pameran Antarabangsa Mines, di sini hari ini.

Turut hadir ialah isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ah, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Ka Ting dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Dr Mahathir berkata, antara keunikan Malaysia ialah semua kaum turut sama menyambut sambutan agama seperti Hari Raya, Tahun Baru dan Deepavali dengan mengunjungi rumah terbuka.

Serentak itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada penganut agama lain kerana menerima dasar yang dilaksanakan kerajaan dengan terbuka.